

Peranan Galeri Sultan Azlan Shah Sebagai Pendidikan Tidak Formal

Galeri Sultan Azlan Shah Role As Informal Education

Nor Hidayah Binti Abas
Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff

Program Persuratan Melayu,
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,

Correspondence : Nor Hidayah Binti Abas (harirasrar@gmail.com) ,
Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff (yuszaidy@ukm.edu.my)

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan mengenai peranan Galeri Sultan Azlan Shah sebagai pendidikan tidak formal. Muzium atau galeri merupakan suatu institusi yang dikenali sebagai tempat yang dilihat tidak mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat. Hal ini kerana muzium dianggap sebagai tempat mempamerkan barang yang tidak beryawa dan purba. Pada masa kini, muzium telah menjadi tumpuan masyarakat untuk memperoleh maklumat dan telah menjadi pusat pendidikan secara tidak formal kepada masyarakat dan khususnya kepada pelajar. Objektif kajian ini ialah mengenalpasti peranan Galeri Sultan Azlan Shah itu sebagai pendidikan tidak formal. Kajian ini telah menggunakan metodologi kajian kualitatif iaitu kajian lapangan dan kajian perpustakaan dengan disokong teknik analisis, bacaan rapi dan intrepretasi dalam usaha mengumpul bahan-bahan kajian. Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada teori peranan. Teori peranan digunakan sebagai panduan untuk membincangkan mengenai peranan yang dimainkan oleh galeri itu. Hasil dapatan kajian mendapati galeri ini telah memberi peranan yang besar dalam menyebarkan ilmu mengenai kesultanan Melayu Perak. Hal ini, pengetahuan dan penyebaran ilmu tidak semestinya melalui sekolah, sebaliknya boleh juga diperolehi daripada galeri secara tidak formal. Justeru itu, Galeri Sultan Azlan Shah sebagai pendidikan tidak formal telah berjaya menyampaikan maklumat-maklumat yang disediakan untuk pengetahuan dan pendidikan tidak formal kepada pelawat dan khususnya terhadap rakyat dan penduduk negeri Perak amnya.

Kata Kunci: Galeri Sultan Azlan Shah, pendidikan tidak formal, peranan, masyarakat dan muzium

ABSTRACT

This study discusses about Galeri Sultan Azlan Shah as role informal education. The museum or gallery is an institution known as the place which not received in the community. This is because the museum is considered as the exhibition of inanimate and ancient treasures. However, nowadays the museum has become the focus of the public to obtain information and being centre of informal education center to the community, and particularly to the students. The objective of this study to identify Galeri Sultan Azlan Shah role as informal education. This study has been used qualitative method which include both field and library research that supported by the analysis technique, intensive reading and interpretation in the effort to collect study materials. The approach used in this study is based on the theory of roles in which serve as a guideline in discussing the role played by the gallery. The findings of indicate that this gallery has provided a major role in spreading knowledge

about the Malay Sultanate of Perak. It is, knowledge and the dissemination of knowledge is not necessarily through the school, but can also be obtained from the gallery in informal way. Therefore, Galeri Sultan Azlan Shah as informal education has managed to convey the available information as the knowledge and informal education to the visitor as well as the citizens of the state in general.

Key Words: Galeri Sultan Azlan Shah, informal education, role, community and museum

1. Pengenalan

Muzium adalah sebuah institusi yang bersifat tetap dan tidak membuat keuntungan, melayani masyarakat dan perkembangannya, terbuka untuk umum, yang memperoleh, merawat, menghubungkan dan mempamerkan untuk tujuan-tujuan pengkajian, pendidikan dan kesenangan, barang-barang pembuktian manusia dan lingkungannya. Definisi muzium tersebut telah ditetapkan oleh ICOM pada mesyuarat agong ke-11 di Copenhagen pada 14 Jun 1974 (Mohd Yusof Abdullah, 1999: 93). Berdasarkan definisi muzium tersebut dapat dilihat fungsi utama muzium ialah memungut (koleksi), memelihara, menyelidik dan mempamerkan bukti-bukti tinggalan manusia dan persekitarannya untuk masyarakat.

Pada masa kini, kebanyakkan muzium menekankan kepada aspek pendidikan. Peranannya dalam muzium dan pendidikan bagaimanapun tidak hanya terhad kepada program kanak-kanak atau pameran bergerak ke sekolah sebagaimana yang pernah difahami. Pendidikan yang dimaksudkan membawa erti yang lebih luas dan untuk semua golongan dan lapisan masyarakat. Hal ini adalah untuk memperkenalkan budaya, sejarah dan warisan yang terdapat di Malaysia kepada pada hari ini yang tidak mengetahui sejarah negara dengan lebih mendalam. Oleh itu, muzium berperanan untuk memberikan pendidikan secara tidak formal yang tidak hanya boleh didapati di tempat-tempat lain. Secara umumnya, peranan sesebuah muzium harus dilihat pada objektif penubuhan muzium itu sendiri. Faktor-faktor utama wujudnya muzium ialah untuk memenuhi fungsi-fungsinya secara progresif serta bekerjasama dengan masyarakat dalam menyalurkan maklumat (Mohd Ali Ngah et al, 1999: 107).

Galeri Sultan Azlan Shah merupakan muzium diraja yang pada asalnya adalah istana lama iaitu Istana Ulu yang pernah didiami oleh tiga orang sultan yang pernah memerintah Perak pada suatu ketika dahulu. Pada 9 Disember 2003, bangunan Istana Ulu tersebut telah dirasmikan oleh DYMM Sultan Azlan Shah sebagai Galeri Sultan Azlan Shah. Idea pembinaan galeri tersebut adalah cetusan pemikiran daripada DYMM Sultan Azlan Shah sendiri atas perkenan untuk dijadikan pengetahuan umum mengenai laluan perjalanan hidup baginda. DYMM Sultan Azlan Shah begitu berbesar hati memberikan setiap barang peribadinya untuk dipamerkan kepada masyarakat. Hal ini adalah untuk memberikan inspirasi kepada rakyat supaya dapat menjadikan teladan daripada kejayaan-kejayaan yang telah dikehendaki oleh baginda dan seterusnya dapat mengekalkan sejarah salasilah kesultanan Perak agar dapat dipertontonkan kepada generasi seterusnya. Oleh itu, kajian yang dilakukan adalah untuk mengenalpasti peranan Galeri Sultan Azlan Shah sebagai pendidikan tidak formal.

2. Tinjauan Literatur

Peranan muzium bukan sahaja tempat untuk menyimpan barang bersejarah, objek, artifak budaya dan gambar bersejarah, tetapi berperanan sebagai perakam pendidik budaya bangsa. Selain itu, muzium juga bertanggungjawab untuk memungut, mengumpul, memelihara, memulihara dan merupakan medium pengekalan khazanah negara yang tidak ternilai

harganya. Beberapa kajian lepas mengenai bidang pemuziuman telah dilakukan. Oleh itu terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan.

Kajian lepas berkaitan dengan pemuziuman telah dikaji oleh pengkaji lepas dalam artikel yang bertajuk *Universiti Orang Kampung* tulisan Md. Redzuan Tumin (2004) membicara mengenai peranan muzium kini ke arah mendidik masyarakat dengan cara tersendiri dan berbeza dengan pendidikan di institusi pendidikan yang khusus. Hal ini demikian kerana muzium mendidik masyarakat tanpa mengaitkan dengan buku, guru kelas dan sekolah. Penulisan melihat muzium dari perseptif memberi didikan kepada masyarakat melalui barang-barang yang dipamerkan misalnya dalam bidang seni, sejarah dan sains. Cara pendidikan yang diberikan muzium terhadap masyarakat divariasikan mengikut selera dan pemikiran masyarakat kini. Penulis melihat muzium merupakan pusat pendidikan secara tidak formal kepada masyarakat melalui setiap barang-barang yang dipamerkan serta aktiviti-aktiviti yang dilakukan.

Kajian yang seterusnya adalah artikel yang ditulis oleh Dzul Haimi Md. Zain (2004), bertajuk *Muzium Gedung Ilmu*. Dalam artikel ini, penulis membicarakan mengenai peranan muzium sebagai penyumbang kepada aspek pendidikan kepada masyarakat. Selain itu, penulis juga turut menekankan kepentingan individu untuk mengunjungi muzium. Penulis juga turut menyatakan sifat masyarakat yang tidak gemar untuk mengunjungi muzium. Penulis artikel turut memberikan langkah-langkah yang perlu diambil kira sebelum kewujudan sesebuah muzium di negara ini dan aspek pengurusan menjadi perkara utama dalam penulisan artikel ini.

Muzium pada pandangan masyarakat hanyalah tempat penyimpanan barang-barang purba yang tidak menarik serta membosankan. Namun, masyarakat tidak mengetahui bahwasanya muzium merupakan suatu tempat pendidikan yang tidak formal. Hal ini demikian dapat dilihat dalam artikel yang bertajuk *Muzium Sebagai Institusi Pendidikan Tidak Formal Dalam Pengajaran dan Pembelajaran subjek sejarah* tulisan Mohd Azmi Mohd Yusof dan Miti Fateema Sherzeella Mohd Yusoff (2012). Dalam artikel tersebut mengupas tentang mengenai beberapa isu penting mengenai peranan muzium sebagai institusi pendidikan dan pembelajaran tidak formal. Selain itu, penulis juga melihat bagaimana muzium boleh menjadi suatu kaedah atau alternatif bagi mengatasi masalah kurang minat dalam kalangan para pelajar terhadap mata pelajaran sejarah. Hal ini kerana muzium dikaitkan dengan sejarah kerana muzium menyimpan koleksi-koleksi lama yang bersejarah dan boleh dilihat berbanding hanya belajar melalui buku teks sahaja.

Seterusnya adalah artikel yang bertajuk *Muzium Diraja dan Pembentukan Negara Bangsa* ditulis oleh Abu Talib Ahmad (2015). Artikel ini membicarakan mengenai kepentingan muzium diraja yang memperkenalkan pameran yang berkaitan dengan institusi diraja untuk memperkenalkan kepada rakyat mengenai perlumbagaan, seperti yang dilakukan di Muzium Negeri Kelantan, Pameran Diraja 2004. Pameran tersebut telah menjelaskan kedudukan dan peranan institusi dalam pentadbiran negeri, menyalurkan maklumat kepada umum tentang peranan dan fungsi serta sumbangan sultan dan sultanah dalam pembangunan negeri, menekankan semangat setia kepada raja khususnya untuk keamanan, kemakmuran, keharmonian dan pembangunan. Di akhir artikel penulis mendapati muzium diraja kebanyakannya hanya memberikan perhatian kepada adat istiadat, raja, koleksi diraja ataupun salasilah diraja. Tiada usaha yang dilakukan untuk mengaitkan institusi diraja kepada perkara yang lebih luas termasuk pentadbiran negara mahupun hubungan raja dan rakyat. Hal ini penting kerana menurut penulis terdapatnya sebilangan kecil masyarakat yang menganggap sistem diraja di negara ini sebagai warisan feudal semata-mata.

Selain itu, kajian terhadap pemuziuman terdapat dalam latihan ilmiah yang ditulis oleh Nor Azizah Mahat (2015), bertajuk *Peranan Galeri Dato' Onn Dalam Usaha Memupuk Semangat Nasionalisme*. Dalam kajian pengkaji mengkaji tarikan yang terdapat di galeri tersebut yang dapat membangkitkan semangat nasionalisme kepada para pengunjung yang datang dengan menggunakan pendekatan interpretasi dan simbolik. Melalui pendekatan tersebut, para pengunjung akan mendapat penerangan dan maklumat berdasarkan kepada barang-barang yang dipamerkan. Kajian ini akhirnya dapat memperkenalkan Galeri Dato' Onn dan membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan masyarakat serta dapat membantu pengkaji-pengkaji yang lain dalam kajian yang dilakukan dalam berkaitan dengan muzium atau galeri.

Melalui kajian lepas tersebut, dapat dilihat masih belum ada pengkaji yang melakukan kajian dengan lebih terperinci mengenai Galeri Sultan Azlan Shah sebagai pendidikan tidak formal dengan tujuan khusus ke atas Institusi Diraja Perak. Walaupun ada artikel-artikel yang berkaitan dengan muzium sebagai tempat pendidikan, tetapi tidak ada yang memfokuskan kepada galeri diraja tersebut sebagai kawasan kajian.

3. Metodologi Kajian

Kertas kerja ini adalah berbentuk penyelidikan etnografi yang mengguna pendekatan kualitatif. Pendekatan kualitatif menggunakan dua kaedah yang sesuai iaitu kajian lapangan dan kajian perpustakaan. Kajian lapangan amat sesuai untuk mengutip dan mengumpul data kerana data diperolehi secara langsung. Kajian lapangan menggunakan dua metod memperolehi data iaitu pemerhatian dan temu bual. Manakala kajian perpustakaan berasaskan kepada penyelidikan di perpustakaan yang berasaskan bahan sekunder. Analisis kajian menggunakan bahan-bahan premier dan sekunder. Pada peringkat awal penyelidikan menggunakan kaedah kajian perpustakaan melalui pembacaan rapi daripada buku, majalah, jurnal, dokumen-dokumen rasmi, latihan ilmiah dan juga pencarian di laman sesawang. Pengkaji telah mendapat maklumat-maklumat yang berkaitan kajian daripada Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL), Perpustakaan Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) dan Pusat Sumber Pusat Pengajaran Bahasa, Kebudayaan dan Kesusastraan Melayu (PPBKKM) di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kaedah pemerhatian telah dijalankan selama dua minggu untuk mengutip dan mengumpul bahan kajian. Kaedah ini amat sesuai kerana kaedah yang penting kerana melalui pemerhatian, pengkaji mendapat gambaran yang jelas mengenai tempat kajian dan maklumat yang diberikan oleh para informan. Data-data yang dikumpul dan diperolehi semasa kajian ini lebih bercorakkan kepada data bergambar. Data-data ini akan dianalisis dengan lebih teliti untuk melihat peranan Galeri Sultan Azlan Shah sebagai pendidikan tidak formal. Kaedah temubual pula merupakan salah satu kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat dengan lebih jelas dan terperinci. Temubual berfokus telah dilakukan oleh pengkaji dengan menemubual penolong kurator galeri iaitu Puan Raja Zainurainy binti Raja Ali. Pengkaji telah mengemukakan beberapa persoalan mengenai kajian yang dilakukan bagi memperolehi maklumat dengan lebih tepat dan dipercayai sumbernya. Kawasan kajian ini hanya ditumpu di Galeri Sultan Azlan Shah yang terletak di Bukit Chandan, Kuala Kangsar Perak.

4. Teori peranan

Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini ialah teori peranan atau *role theory*. *Role* atau peranan merupakan proses dinamik kedudukan iaitu status. Apabila seseorang melaksanakan hak dan kewajibannya sesuai dengan kedudukannya, dia menjalankan suatu peranan. Perbezaan antara kedudukan dengan peranan adalah untuk kepentingan ilmu pengetahuan. Kedua-duanya saling kait-mengait, tetapi kedua-dua unsur tersebut tidak akan berguna sekiranya tidak dipergunakan dengan sepatutnya (Phil, 1977: 94). Berdasarkan *role theory* tersebut, penubuhan Galeri Sultan Azlan Shah berperanan dengan tujuan untuk memberikan ilmu pengetahuan kepada masyarakat mengenai Institusi Diraja Perak. Pendidikan yang dapat diberikan adalah melalui pameran tetap iaitu daripada barang-barang peribadi Sultan Azlan Shah dan pameran diraja Perak. Para pengunjung boleh memperoleh pengetahuan daripada koleksi-koleksi yang dipamerkan. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji telah menganalisis elemen-elemen yang terdapat dalam teori peranan dan disesuaikan dengan peranan Galeri Sultan Azlan Shah sebagai pendidikan tidak formal.

Analisis ini dilakukan adalah untuk melihat bagaimana pihak galeri dapat melaksanakan peranan mereka melalui tiga elemen yang terdapat dalam teori peranan dalam menjadikan Galeri Sultan Azlan Shah sebagai pusat pendidikan tidak formal kepada masyarakat yang berbilang bangsa dan untuk tatapan generasi akan datang. Tiga elemen yang terdapat dalam teori adalah dari segi Pembahagian tugas, tanggungjawab dan tugasan. Elemen pertama iaitu pembahagian tugas yang dimaksudkan dalam analisis ini adalah berdasarkan kepada tanggungjawab pihak galeri dalam melaksanakan sesuatu yang dapat menarik masyarakat dari segi pendidikan tidak formal melalui koleksi dan bahan pameran yang akan dipamerkan. Kebiasaannya kurator muzium bersama penolong kurator dan pembantu muzium yang bertanggungjawab untuk mengalaskan tugas dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti di muzium termasuklah dalam menyediakan pameran dan koleksi. Elemen kedua iaitu tanggungjawab dalam analisis ini dimaksudkan sebagai sesuatu perkara yang wajib dipikul oleh seseorang yang diamanahkan untuk melakukan sesuatu pekerjaan.

Dalam pengurusan Galeri Sultan Azlan Shah tanggungjawab ini terletak kepada struktur organisasi Galeri Sultan Azlan Shah dalam mengembangkan dan memberikan pengetahuan kepada pengunjung Galeri Sultan Azlan Shah. Struktur organisasi Galeri Sultan Azlan Shah dapat dibahagikan kepada dua iaitu operasi dan kurator. Setiap bahagian tersebut mempunyai tanggungjawab dan peranan dalam menjadikan Galeri Sultan Azlan Shah sebagai pendidikan tidak formal berdasarkan strategi yang dirancang oleh organisasi galeri. Elemen terakhir iaitu keseimbangan dalam analisis ini adalah program-progam yang dilakukan oleh pihak galeri yang berkaitan dengan pendidikan tidak formal. Progam yang dilakukan adalah untuk menarik semua lapisan masyarakat untuk mengunjungi Galeri Sultan Azlan Shah dan melihat reaksi pengunjung berdasarkan kepada aktiviti-aktiviti yang dilakukan berkaitan dengan pendidikan tidak formal.

Berdasarkan kepada teori peranan, pengkaji telah membahagikan teori tersebut kepada tiga elemen penting yang terdapat dalam teori peranan. Elemen yang pertama adalah pembahagian tugas, kedua adalah tanggungjawab dan ketiga adalah keseimbangan. Ketiga-tiga elemen tersebut dikaji oleh pengkaji dalam melihat peranan Galeri Sultan Azlan Shah sebagai pendidikan tidak formal dalam skop kajianya iaitu mengenai Institusi Diraja Perak. Elemen pembahagian tugas dan tanggungjawab adalah melibatkan kakitangan di Galeri Sultan Azlan Shah. Bagi elemen keseimbangan pula adalah aktiviti atau program yang diadakan oleh Galeri Sultan Azlan yang berkaitan dengan pendidikan tidak formal. Ketiga-tiga elemen ini dilihat dalam hubungan teori dengan peranan kakitangan dan peranan galeri.

5. Dapatan dan Perbincangan

Kajian ini telah menggunakan teori peranan untuk panduan dalam menganalisi dapatan mengenai peranan Galeri Sultan Azlan Shah sebagai pendidikan tidak formal. Tiga elemen daripada teori peranan telah digunakan iaitu pembahagian tugas, tanggungjawab dan keseimbangan dan dikaitkan dengan peranan kakitangan dan galeri.

5.1 Peranan Kakitangan

Kakitangan merupakan individu yang penting dalam melancarkan serta melaksanakan sesuatu tugas mengikut bidang-bidang yang telah ditetapkan. Dalam bidang pemuziuman Kurator merupakan individu yang penting dalam bidang pemuziuman dan kurator juga adalah individu yang terlibat dalam perolehan dan menguruskan koleksi-koleksi yang terdapat di muzium. Begitu juga tanggungjawab yang harus dipikul oleh kakitangan-kakitangan di Galeri Sultan Azlan Shah dalam terus memulihara dan memelihara warisan dan Institusi Diraja Perak. Peranan kakitangan di Galeri Sultan Azlan Shah dapat dilihat melalui tiga aspek berikut:

Tugasan

Kerjasama dan ketekunan dalam menjalankan sesuatu pekerjaan merupakan suatu perkara yang dapat memudahkan dan melancarkan perjalanan sesuatu pengurusan dalam struktur organisasi sesebuah jabatan. Begitu juga dalam bidang pemuziuman kelancaran operasi muzium bermula daripada struktur organisasi yang cekap dan bekerjasama. Setiap kakitangan mempunyai tugas dan tanggungjawab mengikut bidang masing-masing. Dalam bidang pemuziuman kurator merupakan individu yang penting dalam menguruskan semua perkara berkaitan dengan pemuziuman. Kurator bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja penyelidikan, pengurusan koleksi, kerja-kerja konservasi, merancang dan melaksanakan pameran, penerbitan, aktiviti pendidikan, mengurus keselamatan muzium, sumber manusia dan promosi di samping aktiviti-aktiviti muzium.

Peranan seorang kurator yang difokuskan adalah dalam pendidikan. Seorang kurator sememangnya bertanggungjawab dalam melaksanakan aktiviti yang berkaitan dengan pendidikan terutama berkenaan dengan pameran sama ada pameran tetap, sementara, khas dan bergerak. Kekuatan sesebuah muzium itu terletak kepada pameran yang dipamerkan. Tugas kurator dalam pameran adalah memberikan maklumat yang diperoleh melalui penyelidikan, penulisan kandungan teks dan kapsyen mengenai koleksi yang dipamerkan. Hal ini adalah untuk memberikan pemahaman kepada pelawat yang melawat ke galeri atau muzium. Pelawat juga boleh mendapat maklumat yang tepat melalui teks dan kapsyen yang diletakkan di sudut ruangan dan di dalam kaca pameran.

Selain itu, kurator dan kakitangan galeri juga perlu menunjukkan kelainan dalam memamerkan setiap koleksi bagi menarik pelawat terutamanya pelajar untuk mendekati koleksi dan memahami isi kandungan yang ingin disampaikan. Misalnya, pihak galeri boleh menggunakan teknologi interaktif iaitu dengan menggunakan visual dan *audio effect*. Dengan cara tersebut akan lebih memudahkan maklumat untuk disampaikan dan dilihat lebih mendapat perhatian daripada pelawat. Galeri Sultan Shah Azlan telah menggunakan video montaj pada sudut ruangan pameran tetap iaitu pada ruangan sultan sebelum yang menceritakan mengenai tiga sultan yang pernah memerintah Perak dan menetap di Istana Ulu iaitu Sultan Abdul Jalil, Sultan Yusuf Izzudin Shah dan Sultan Idris Iskandar Shah II. Ketiga-

tiga sultan tersebut mempunyai hubungan terus dengan DYMM Sultan Azlan Shah dalam salasilah kesultanan Perak.

Dengan adanya montaj dalam pameran para pengunjung boleh memahami kerana mempunyai pergerakan dan suara berserta dengan tulisan. Bagi pameran sementara pula, pihak galeri telah mengadakan pameran keris Taming Sari yang digambarkan sebilah keris yang sangat hebat pada zaman Hang Tuah. Keris tersebut dipamerkan hanya pada hari-hari kebesaran sahaja. Sepanjang pameran tersebut diadakan setiap pengunjung akan diberikan pamphlet dan risalah berkenaan dengan keris Taming Sari dan terdapat juga tayangan montaj berkenaan dengan keris tersebut. Hal ini adalah untuk menarik minat para pengunjung untuk melihat pameran yang jarang-jarang dipamerkan dalam Galeri Sultan Azlan Shah.

Peranan kurator dalam pameran dan seterusnya untuk memberikan pendidikan melalui pameran tersebut merupakan tugas yang berat dan perlu dilakukan dengan sebaiknya agar setiap pelawat yang datang dapat membawa pulang ‘hasil’ daripada lawatan ke galeri tersebut. Selain itu, pelbagai cara perlu dilakukan dalam menghasilkan sesebuah pameran yang menjadikan Galeri Sultan Azlan Shah dalam menyalurkan maklumat mengenai Institusi Diraja Perak dan juga warisan diraja.

Tanggungjawab

Kakitangan di muzium memainkan peranan yang penting dalam melaksanakan tanggungjawab mereka dalam pendidikan tidak formal. Tanggungjawab pegawai muzium selain memelihara dan memulihara koleksi yang terdapat di muzium, pegawai muzium perlu menjalankan aktiviti-aktiviti dan memikirkan cara bagi menarik pelawat untuk melawat ke muzium. Tanggungjawab kakitangan muzium dilihat dari segi mempromosikan muzium dan menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan pendidikan.

Kakitangan Galeri Sultan Azlan Shah memperkenalkan galeri melalui promosi yang dilakukan melalui radio Perak mengenai aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh Galeri Sultan Azlan Shah. Selain itu, pihak galeri juga turut menggantung gegelung layar di sekitar Bandar Diraja Kuala Kangsar untuk menghebahkan setiap aktiviti yang dilakukan oleh Galeri Sultan Azlan Shah, misalnya adalah pameran sementara keris Taming Sari. Hal ini juga menjadi tanggungjawab pihak galeri untuk memastikan maklumat mengenai aktiviti-aktiviti galeri sampai kepada masyarakat. Selain itu, pihak galeri turut menyebarkan maklumat melalui laman web rasmi Galeri Sultan Azlan Shah sendiri supaya maklumat tersebut dapat disebarluaskan dengan lebih pantas dan dapat dilihat oleh semua lapisan masyarakat sama ada domestik mahu pun luar negara.

Kakitangan galeri juga turut menguruskan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh Galeri Sultan Azlan Shah. Mereka perlu memikirkan sambutan yang diberikan oleh masyarakat sama ada mendapat sambutan atau tidak. Di samping itu, pihak galeri juga bertanggungjawab untuk memikirkan dan mengatur aktiviti yang bersesuaian dengan semua lapisan dan golongan masyarakat. Keberkesanannya aktiviti yang dilakukan akan memberi kesan kepada Galeri Sultan Azlan Shah untuk lebih dikenali sebagai tempat rujukan dan pusat pendidikan tidak formal kepada masyarakat.

Tanggungjawab yang dimainkan oleh kakitangan galeri sangat memainkan peranan bagi terus mengekalkan Galeri Sultan Azlan Shah sebagai muzium diraja terunggul dan menjadi tarikan kepada masyarakat untuk terus berkunjung dan mendapat ilmu pengetahuan berkenaan Institusi Diraja Perak dan warisan diraja yang menjadi kemegahan kesultanan Perak.

Aktiviti

Peranan kakitangan selain daripada menyediakan aktiviti-aktiviti pendidikan, kakitangan juga turut mempunyai peranan lain kepada pelawat yang berkunjung ke galeri dan juga kepada koleksi yang dipamerkan. Tugasan yang diberikan adalah bagi melancarkan perjalanan operasi sesebuah muzium sama ada dalam saiz yang kecil atau besar. Berdasarkan temu bual yang dilakukan oleh pengkaji dengan penolong kurator Galeri Sultan Azlan Shah terdapat beberapa peranan kakitangan dalam aktiviti galeri.

Peranan kakitangan merujuk kepada aktiviti yang dilakukan bagi memastikan para pengunjung selesa dan mudah untuk memahami koleksi yang dipamerkan. Antara aktiviti yang dilakukan oleh kakitangan Galeri Sultan Azlan Shah adalah seperti berikut:

i- Sebagai penunjuk

Kebiasanya setiap muzium atau galeri akan mengadakan lawatan berpandu yang diketuai oleh pegawai muzium sendiri. Pegawai muzium berperanan untuk menjadi penunjuk dan penyalur maklumat mengenai koleksi yang dipamerkan. Aktiviti ini dilakukan oleh pegawai muzium adalah salah satu cara untuk memberikan peluang kepada pelawat untuk bertanyakan berkenaan dengan koleksi secara terus kepada pegawai muzium. Kerja sebagai penunjuk kepada pelawat merupakan salah satu daripada peranan kakitangan untuk memudahkan pelawat yang melawat ke muzium.

ii- Membuat tag

Setiap koleksi yang dipamerkan perlu disimpan dan dijaga dengan baik agar koleksi tersebut tidak rosak atau hilang. Oleh itu, kakitangan galeri berperanan untuk membuat tag untuk setiap koleksi agar koleksi-koleksi tersebut dalam keadaan yang baik dan tidak mudah untuk di bawa keluar dan masuk. Setiap tag tersebut akan dicatatkan perkara-perkara penting berkaitan dengan koleksi tersebut seperti tarikh dan lain-lain.

iii- Membuat demonstrasi

Demostrasi di muzium adalah di mana pihak muzium akan memberikan peluang kepada pelawat untuk melihat koleksi dengan lebih dekat. Selain itu, pelawat juga diberikan peluang untuk memegang koleksi yang dipamerkan. Hal ini memberikan tanggungjawab yang besar kepada pegawai muzium untuk memastikan koleksi yang didemostrasi tersebut selamat dan tidak berlaku sebarang kerosakan apabila sudah tamat pameran.

5.2 Peranan Galeri

Kewujudan Galeri Sultan Azlan Shah adalah cetusan idea DYMM Sultan Azlan Shah yang bertujuan untuk menanam kesedaran kepada golongan muda tentang pentingnya pendidikan dalam kehidupan. Selain itu, rakyat juga dapat mengenali dengan lebih mendalam seorang raja yang berdaulat dan rakyat juga berpengetahuan mengenai institusi raja berperlembagaan. Oleh sebab itu, baginda menyerahkan kesemua barang peribadi baginda untuk dijadikan

sebagai koleksi untuk dipamerkan kepada generasi-generasi seterusnya. Peranan Galeri Sultan Azlan Shah ini dapat dilihat melalui tiga aspek berikut:

Pendidikan Warisan

Pendidikan merupakan unsur penting dalam proses tumbesaran seseorang individu bermula dari peringkat awal usia sehingga ke akhir hayat seseorang. Dalam mencari ilmu pengetahuan tidak ada had dan sempadan untuk mencari dan terus mencari ilmu tidak kira dalam apa-apa bidang. Hal ini kerana, setiap orang akan mengalami proses pendidikan sama ada disedari atau tidak disedari kerana pendidikan tidak akan terpisah dari kehidupan manusia. Tujuan pendidikan bukan hanya untuk mendapatkan pekerjaan, tetapi bertujuan untuk melahirkan masyarakat yang bijak dalam mengatur corak hidup mereka sendiri sama ada perkara yang mereka lakukan itu salah atau benar.

Selain itu, pendidikan juga dapat melahirkan masyarakat yang tidak buta huruf agar masyarakat tidak mudah ditindas kerana tiada ilmu dan dapat melahirkan masyarakat yang terbilang dari segi ilmu pengetahuan dan juga akhlak peribadi. Hal ini bukan sahaja dapat melahirkan masyarakat yang berilmu tetapi dapat membangunkan negara daripada masalah-masalah kenegaraan dan dapat memperkenalkan sesbuah negara ke mata dunia melalui pendidikan yang telah melahirkan modal insan yang berpendidikan. Oleh kerana itulah pendidikan dikenali sebagai suatu proses yang tidak akan berhenti selagi hayat seseorang itu ada dan tidak terbatas pada tempat dan ruang masa.

Pefahaman pendidikan boleh dilihat melalui pelbagai pengertian makna dan kaitan. Setiap golongan sosial mempunyai tafsiran sendiri untuk makna pendidikan mengikut pemahaman dan pemikiran mereka yang mengambil aspek nilai keutamaan, nilai masyarakat, budaya, sosial, ekonomi, politik dan sebagainya. Pendidikan boleh diertikan sebagai makna yang diperoleh melalui perkembangan fizikal. Namun begitu, sejajar dengan perkembangan semasa, pendidikan diertikan sebagai perkembangan pengetahuan dan pemahaman. Walaupun terdapat pelbagai pemahaman yang berbeza dalam konteks ini, tetapi maksudnya tetap menghala ke arah kebaikan dan berguna serta mengutamakan kepentingan bersama.

Fungsi utama pendidikan adalah untuk mengubah dan memindahkan nilai kebudayaan kepada setiap individu dalam sesebuah masyarakat. Proses pemindahan budaya dalam masyarakat ini bermaksud pemindahan pengetahuan daripada individu yang berpengetahuan kepada individu yang belum mengetahui sesuatu ilmu tersebut. Dalam konteks ini dilihatkan pendidikan bukan sahaja boleh didapati di sekolah sahaja tetapi pendidikan boleh berlaku di persekitaran seseorang dan di mana-mana sahaja. Pendidikan boleh dibahagikan kepada tiga iaitu pendidikan formal, pendidikan tidak formal dan pendidikan bukan formal.

Pendidikan formal merupakan pendidikan khusus yang seseorang individu boleh dapati di sesebuah institusi yang berstruktur dari segi kronologi dan hierarki. Pendidikan ini dapat di samakan dengan pendidikan yang diamalkan di negara Malaysia. Seseorang individu akan mendapat pengetahuan melalui pendidikan di dalam kelas melalui guru dan buku. Kemudian seseorang individu perlu melepassi peringkat-peringkat persekolah dari sekolah rendah, menengah dan Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) atau Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS). Pendidikan tidak formal pula adalah proses pendidikan yang berlaku seumur hidup. Pendidikan ini boleh diertikan sebagai pendidikan yang tidak teratur dan bersistematik. Seseorang individu boleh mendapat pengetahuan melalui radio, televisyen, surat khabar, di laman sesawang dan di persekitaran seseorang. Pendidikan bukan formal merupakan pendidikan yang diperolehi melalui luar rangka kerja formal. Namun begitu, pendidikan ini merupakan aktiviti yang tersusun dan bersistematik tetapi berbeza dengan pendidikan formal. Pendidikan ini merangkumi jenis-jenis pembelajaran terpilih untuk

sesuatu subkumpulan dalam masyarakat. Misalnya, program latihan untuk petani, program usahawan untuk usahawan baru dan lain-lain.

Muzium atau galeri merupakan sebuah institusi pendidikan tidak formal kepada masyarakat. Hal ini kerana, seseorang individu boleh mendapat pengetahuan di muzium atau galeri hanya melalui proses pembelajaran dengan melihat, mendengar dan memegang himpunan koleksi yang dipamerkan. Pendidikan tidak formal yang berlaku di Galeri Sultan Azlan Shah adalah melalui pameran tetap dan sementara yang terdapat di galeri tersebut. Proses pendidikan di galeri tidak mempunyai guru atau buku, tetapi para pengunjung akan melalui proses membaca atau melihat dan seterusnya akan mentafsir dan kemudiannya mengaitkan dengan memori yang telah dipelajari di sekolah ataupun hanya menjadikan sebagai penambahan pengetahuan kepada diri sendiri. Ilmu ini kemudiannya boleh kekal dalam ingatan dan kemudiannya boleh disebarluaskan kepada individu yang lain dan boleh kemudiannya boleh dijadikan pengajaran serta boleh diaplikasikan dalam kehidupan.

Peranan Galeri Sultan Azlan Shah adalah memberikan pendidikan dalam bentuk yang tiada dalam pendidikan formal iaitu melalui pameran tetap dan sementara yang terdapat di galeri. Pameran tetap di Galeri Sultan Azlan Shah hanyalah koleksi-koleksi peribadi DYMM Sultan Azlan Shah sahaja dalam bentuk gambar, artifak dan terbitan. Pelawat yang melawat ke galeri akan mendapat maklumat melalui pameran-pameran yang dipamerkan. Pelawat khususnya para pelajar akan melawat ke setiap segmen-semen pameran dan akan berkomunikasi sendiri dengan koleksi-koleksi yang dipamerkan.

Selain itu, pihak galeri juga turut mengadakan seminar kepada kumpulan-kumpulan pengunjung yang datang bagi memperjelaskan mengenai koleksi-koleksi yang dipamerkan. Kebiasaanya seminar akan dilakukan khusus kepada pelajar sekolah. Hal ini adalah untuk menarik minat dan menambah pengetahuan kepada para pelajar mengenai Institusi Diraja Perak dan latar belakang Sultan Azlan Shah yang mungkin tidak ada dalam buku teks sekolah. Pendidikan cara ini boleh membantu para pelajar khususnya dan masyarakat dalam mengenali Institusi Diraja Perak, warisan diraja dan latar belakang Sultan Azlan Shah yang mungkin tidak boleh didapati dengan hanya pembelajaran di dalam kelas. Dengan adanya pendidikan galeri ini, para pengunjung yang berkunjung ke galeri akan lebih memahami dan dapat menambah ilmu pengetahuan dalam sesuatu perkata yang tidak diketahui sebelumnya.

Aktiviti

Peranan galeri selain daripada memberikan pendidikan secara tidak formal, galeri juga turut menjalankan aktiviti-aktiviti bersama-sama masyarakat setempat atau luar. Hal ini adalah untuk merapatkan hubungan galeri dengan masyarakat serta dapat menarik minat masyarakat untuk melawat ke galeri seterusnya dapat menyampaikan maklumat mengenai Institusi Diraja Perak dan warisan diraja yang kurang diambil tahu oleh masyarakat. Aktiviti yang dijalankan adalah bersesuaian dengan setiap golongan dan lapisan masyarakat setempat.

Terdapat beberapa aktiviti yang dilakukan oleh pihak galeri dalam memperkenalkan kesultanan Perak, warisan diraja dan latar belakang Sultan Azlan Shah melalui pendidikan tidak formal kepada masyarakat. Antara aktiviti-aktiviti yang disediakan oleh pihak galeri adalah seperti mewarna, kuiz berkenaan dengan Kesultanan Perak, wayang pacak dan juga *outreach programme* iaitu kayuhan warisan dan pameran bergerak. Kesemua aktiviti yang disediakan adalah berkaitan dengan Galeri Sultan Azlan Shah iaitu kesultanan Perak dan latar belakang Sultan Azlan Shah. Bagi menarik minat kanak-kanak, pertandingan mewarna telah diadakan dan disediakan hadiah kepada semua peserta. Aktiviti kuiz pula terbuka kepada semua pelawat yang datang melawat ke galeri. Soalan kuiz adalah berkenaan dengan latar belakang Sultan Azlan Shah dan juga kesultanan Perak. Setiap pelawat akan diberikan soalan

kuiz berserta pen dan saguhati kecil kepada pengunjung yang dapat memenuhi jawapan kuiz dengan betul.

Pihak galeri turut mengadakan aktiviti yang dapat merapatkan lagi hubungan galeri dengan masyarakat setempat dengan melakukan aktiviti kayuhan warisan dan juga wayang pacak. Kayuhan warisan adalah inisiatif pihak galeri untuk mengadakan aktiviti di luar galeri bersama-sama dengan masyarakat setempat. Penyertaan kayuhan warisan ini terbuka kepada semua golongan dan lapisan masyarakat dan telah melibatkan lebih daripada seratus penyertaan dan aktiviti ini dilakukan dengan berkayuh basikal ke beberapa tempat bersejarah di sekitar Kuala Kangsar seperti Muzium Diraja dan *Victoria Bridge*. Tempat-tempat tersebut dijadikan sebagai perhentian utama untuk pihak galeri membuka *booth-booth* pameran berkenaan dengan Institusi Diraja Perak dan kemudiannya menyampaikan maklumat kepada peserta-peserta yang terlibat dalam kayuhan warisan. Kelainan aktiviti yang dibawa oleh pihak galeri adalah dengan menayangkan wayang pacak di dataran Galeri Sultan Azlan Shah. Tayangan tersebut terbuka kepada masyarakat tempatan dan tiada bayaran masuk dikenakan. Pihak galeri telah menayangkan filem berkenaan dengan kemerdekaan negara dan juga kisah perjalanan hidup DYMM Sultan Azlan Shah sepanjang hayatnya.

Setiap aktiviti yang disediakan oleh pihak galeri adalah untuk memberikan pendidikan dan menyalurkan maklumat kepada masyarakat umum mengenai Institusi Diraja Perak yang masih mengekalkan warisan dirajanya sehingga kini dan juga latar belakang Sultan Azlan Shah. Dengan adanya aktiviti-aktiviti tersebut perpaduan antara kaum juga turut terjalin kerana setiap golongan masyarakat iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain kaum turut melawat ke galeri. Selain itu, pelawat yang melawat ke galeri tidak akan bosan dan berasa galeri bukanlah tempat yang ‘mati’ tetapi hidup dengan koleksi-koleksi yang dipamerkan bersama-sama dengan maklumat-maklumat yang ada pada setiap koleksi yang dipamerkan sama ada pada pameran tetap atau sementara.

Sumbangan

Muzium adalah sebuah institusi yang bersifat tetap dan tidak membuat keuntungan, melayani masyarakat dan perkembangannya, terbuka untuk umum, yang memperoleh, merawat, menghubungkan dan mempamerkan untuk tujuan-tujuan pengkajian, pendidikan dan kesenangan, barang-barang pembuktian manusia dan lingkungannya. Definisi muzium tersebut telah ditetapkan oleh ICOM pada mesyuarat agong ke-11 di Copenhagen pada 14 Jun 1974 (Mohd Yusof Abdullah, 1999: 93). Berdasarkan definisi tersebut, dapat dilihat fungsi utama muzium ialah memungut koleksi, memelihara, menyelidik dan mempamerkan bukti-bukti tinggalan manusia dan persekitarannya kepada masyarakat.

Selain daripada fungsi muzium tersebut, muzium juga turut menyumbang kepada memberikan pendidikan tidak langsung kepada masyarakat melalui kaedah tersebut:

- i- Melalui ceramah

Kaedah ini merupakan pendekatan yang lebih akademik. Kaedah ini merupakan salah satu kaedah dua hala. Kaedah ini dianggap suatu kaedah yang sangat bagus dan berkesan kepada para pengunjung kerana dapat menjana percambahan minda dalam kalangan pelawat. Menerusi cara seperti lawatan berpandu merupakan salah satu kaedah yang berkesan untuk menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pelawat. Hal ini kerana kaedah ini berbentuk komunikasi bersemuka antara pegawai muzium dan juga pelawat. Kaedah ini sangat digemari oleh para pengunjung kerana mereka boleh bertanya terus mengenai koleksi-koleksi yang dipamerkan dengan lebih terperinci.

Pegawai muzium juga dapat menerangkan dengan lebih jelas dan terperinci kepada para pengunjung mengenai pameran-pameran yang ada secara bersemuka.

ii- Melalui demostrasi

Selain itu, kaedah melalui demostrasi juga mendapat sambutan dalam kalangan pelawat yang datang. Hal ini kerana, para pengunjung dapat melihat koleksi dengan lebih dekat dan juga diberi peluang untuk memegang koleksi-koleksi yang dipamerkan. Peluang seperti ini tidak akan dilepaskan oleh para pengunjung kerana adalah sukar untuk pihak galeri untuk memberikan kebenaran menyentuh koleksi-koleksi yang dipamerkan kecuali jika pada hari-hari penting tertentu. Misalnya, dalam pameran bergerak yang diadakan bersempena dengan Hari Muzium Kebangsaan yang melibatkan kesemua muzium di seluruh negeri. Dengan adanya kaedah demostrasi berkenaan dengan koleksi-koleksi, pelawat bukan sahaja mendapat ilmu pengetahuan tetapi dapat juga menyentuh dan mendalamai koleksi-koleksi tersebut.

iii- Melalui pameran

Kekuatan sesebuah muzium terletak pada sesebuah pameran yang dipersembahkan dengan menggunakan teknik-teknik yang menarik dan interaktif bagi menarik setiap pengunjung yang datang. Tidak kira pameran tetap, sementara, khas dan bergerak. Melalui kaedah ini, ilmu pengetahuan dapat disampaikan melalui koleksi yang dimaerkkan dengan menggunakan kapsyem dan teks yang bersesuai dengan golongan sasaran. Selain itu, melalui pameran juga harus menggunakan teknologi interaktif seperti *audio visual*, *sound effect*, pergerakan artifak seperti replika dan lain-lain. Jika di Galeri Sultan Azlan Shah pihak galeri menyedia teknologi interaktif dengan mempamerkan montaj mengenai tiga sultan yang pernah memerintah Perak dan menetap di Istana Ulu yang kini menjadi galeri. Kaedah interaktif ini dapat menyampaikan dan memudahkan pemahaman para pengunjung kerana menggunakan gambar, pergerakan, tulisan berserta suara.

Sumbangan yang disalurkan oleh pihak galeri dalam pendidikan sangat membantu untuk membangunkan Galeri Sultan Azlan Shah sebagai Muzium Diraja dan dapat membantu masyarakat untuk mengetahu mengenai sejarah kesultanan Perak dan warisan diraja yang tidak diketahui oleh masyarakat umum. Penubuhan Galeri Sultan Azlan Shah adalah untuk menyumbang ke arah pendidikan dalam ruang lingkup yang berbeza daripada pendidikan yang biasa didapati di sekolah atau Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) melalui aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh pihak galeri.

6. Rumusan

Sebagai kesimpulannya, peranan kakitangan dan galeri memainkan peranan yang sangat penting dalam membantu dalam penubuhan sesebuah muzium. Sebagai sebuah institusi yang menjadi rujukan dan sebagai tempat pendidikan, kakitangan dan Galeri Sultan Azlan Shah perlu memainkan peranan dalam mempertingkatkan dalam melaksanakan setiap aktiviti galeri supaya seiring dengan zaman yang serba moden agar masyarakat boleh menerima dan tertarik dengan penganjuran aktiviti yang dilakukan.

Sesungguhnya penubuhan Galeri Sultan Azlan Shah mampu untuk membantu masyarakat memperoleh maklumat serta ilmu pengetahuan mengenai Institusi Diraja Perak, warisan diraja dan juga latar belakang DYMM Sultan Azlan Shah melalui koleksi yang dipamerkan. Setiap koleksi yang dipamerkan mempunyai maksud yang dapat memberikan kesedaran serta peringatan kepada masyarakat agar terus untuk mengingati sejarah dan budaya yang masih dikekalkan sejak dahulu lagi. Oleh itu, cetusan idea DYMM Sultan Azlan Shah untuk menubuhkan galeri tidaklah sia-sia kerana pada hari ini Galeri Sultan Azlan Shah berperanan menjadi sebagai pendidikan secara tidak formal kepada masyarakat dan kemudiannya dapat memberikan sumbangan kepada negeri Perak dan rakyatnya kerana dapat mengekalkan maklumat mengenai Sultan Azlan Shah dan juga kesultanan Perak.

Rujukan

- Abu Talib Ahmad. (2014). Muzium Diraja dan Pembentukan Negara Bangsa. *Dewan budaya* Januari 16-19.
- Dzul Haimi Md Zain. (2004). Muzium Gedung Ilmu. *Dewan Budaya* September 9-12.
- Edson, G., & David, D. (2006). *The Handbook For Museum*. New York: Routledge 2 Park Square, Milton Park, Abingdon, Oxon, OX14 4 RN.
- Md Redzuan Tumin. (2004). Universiti Orang Kampung. *Dewan Budaya* September 17-21.
- Mohd Yusof Abdullah. 1999. Muzium dan Masyarakat: Fungsi, Objektif dan Peranan, Dlm. Mohd Ali Ngah, Aidit Hj. Ghazali & et al. *Jaringan Muzium Asia Timur*. Hlmn 91-92. Kuala Lumpur: Institut Perkembangan Minda (INMIND).
- Mohd Ali Ngah etal. (1999). Jaringan Muzium Asia Timur. Kuala Lumpur: Institut Perkembangan Minda (INMIND).
- Nor Azizah Mahat. (2015). Peranan Galeri Dato' Onn Dalam Usaha Memupuk Semangat Nasionalisme Negara. Latihan Ilmiah Sarjana Muda. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Phil Astrid S.Susanto. (1977). *Pengantar sosiologi dan Perubahan Sosial*. Bandung: Karya Nusantara.